

No. Soalan: 42  
PR-1353-L03631

108

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING**  
**[ TAIPING ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2017**

**SOALAN : Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta**  
**MENTERI LUAR NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah hasil lawatan rombongan YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat pada bulan September tahun ini ; dan
- (b) berapakah jumlah kos lawatan ini dan siapa yang sertai bersama rombongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Taiping atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat telah terjalin sejak 1957. Malaysia dan Amerika Syarikat mempunyai hubungan dua hala yang mesra serta kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang. Hubungan ini telah dipertingkatkan ke tahap Perkongsian Komprehensif sejak tahun 2014 di dalam pelbagai bidang kerjasama utama, seperti politik, ekonomi, keselamatan, pertahanan dan sebagainya.

3. Untuk makluman ahli Dewan, Amerika Syarikat merupakan rakan dagang ketiga terbesar bagi Malaysia pada tahun 2016 dengan jumlah dagangan sebanyak RM135.9 billion.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Seperti mana ahli Dewan sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan lawatan kerja ke Amerika Syarikat pada 11 hingga 13 September 2017, dengan diiringi isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Dato' Sri Anifah Aman, dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed.

5. Lawatan kerja ini telah berjalan dengan jayanya, dan sememangnya telah meningkatkan hubungan dua hala Malaysia-Amerika Syarikat baik dari segi politik dan ekonomi serta kerjasama antarabangsa. Pelbagai bidang kerjasama dua hala telah dibincangkan terutamanya dalam bidang perdagangan, pelaburan, keselamatan serta tindakan-tindakan membanteras keganasan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Dalam hal perdagangan dan pelaburan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa Malaysia telah menawarkan *value proposition* kepada Amerika Syarikat dengan peningkatan pelaburan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan kerjasama antara Malaysia Airlines Berhad (MAB) dengan The Boeing Company (Boeing). Untuk makluman ahli Dewan, pelaburan sedia ada oleh KWSP di Amerika Syarikat adalah bernilai USD 7 billion dalam bentuk ekuiti, dan pelaburan ini telah bermula sejak tahun 2008. Khazanah pula memiliki pelaburan bernilai USD400 juta dalam syarikat berteknologi tinggi di Silicon Valley dan sedang meneliti beberapa pelaburan baru dalam usaha meningkatkan dana pelaburan di negara tersebut.

7. Pelaburan jangka panjang ini bukan suatu perkara baru. Malahan peningkatan jumlah pelaburan Malaysia di Amerika Syarikat dijangka akan memberi pulangan yang memberangsangkan kepada negara.

8. Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MAB dan Boeing dengan pembelian pesawat-pesawat baru dan penyelenggaraan pesawat adalah sejajar dengan pelan transformasi

MAB dan merupakan pilihan terbaik yang dilengkapi dengan teknologi terkini.

9. Selain daripada membincangkan kerjasama dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat, beberapa isu antarabangsa turut dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Trump adalah situasi di Semenanjung Korea, penindasan terhadap etnik Rohingya di Myanmar dan isu-isu berkenaan Laut China Selatan.

10. Mengenai keadaan di Semenanjung Korea, kedua-dua negara telah menyuarakan keimbangan ke atas keselamatan dan keamanan di rantau Asia Pasifik yang diancam oleh tindakan Korea Utara yang menjalankan program ujian nuklear dan ujian peluru berpandu balistik. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Malaysia telah mengambil langkah untuk mematuhi kesemua Resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang berkaitan dengan ancaman Korea Utara, antaranya dengan mengurangkan bilangan pegawai diplomatik Korea Utara. Malaysia juga sedang mempertimbangkan hubungan dengan Korea Utara dari pelbagai aspek termasuk hubungan diplomatik, politik dan ekonomi. Negara ini juga telah memperkenalkan visa untuk kemasukan warganegara Korea Utara ke Malaysia.

11. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan kepada pihak Amerika Syarikat akan tindakan kejam yang dilakukan tentera Myanmar ke atas etnik Rohingya merupakan penghapusan etnik dan ‘genocide’. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berkongsi maklumat akan bantuan yang dipanjangkan oleh Kerajaan Malaysia kepada pelarian Rohingya. Lanjutan dari itu, pada 20 September 2017,

Amerika Syarikat telah mengumumkan bantuan sebanyak USD 32 juta untuk disalurkan kepada etnik Rohingya.

12. Berhubung isu Laut China Selatan, Malaysia telah menegaskan pendirian negara ini dengan tidak mengiktiraf penandaan sembilan garis putus (*nine dashed lines*) yang dilakukan oleh Republik Rakyat China (RRC). Malaysia berpegang kepada prinsip dan undang-undang maritim antarabangsa seperti *United Nations Convention on the Law of the Sea* 1982 (UNCLOS).

13. Berkenaan hal *Trans Pacific Partnership Agreement* (TPPA), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa sesi dialog bersama ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat telah menyarankan agar negara tersebut kekal bersama ahli TPPA yang lain untuk menjayakan Perjanjian ini. Sekiranya tidak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan agar model TPPA ini digunakan sebagai rangka kepada perjanjian perdagangan dua hala seperti Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* (FTA) antara Malaysia dan Amerika Syarikat, yang telah tertunda sejak 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

14. Perbelanjaan lawatan kerja ke Washington DC, Amerika Syarikat yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri pada 9-16 September 2017 adalah berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237) kemudahan Elaun dan Keistimewaan bagi YAB Perdana Menteri.

15. Perbelanjaan tersebut adalah meliputi perbelanjaan penerbangan, penginapan, pengangkutan, elaun makan, dobi, telefon dan lain-lain.

Perbelanjaan YAB PM dan ahli rombongan adalah mengikut kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

16. Layanan istimewa yang diterima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan delegasi yang telah diberi oleh Presiden Trump dan ahli-ahli Kabinet beliau jelas membuktikan keakraban persahabatan yang terjalin antara kedua-dua pemimpin negara. Kesungguhan Amerika Syarikat untuk memahami situasi dan tindakan yang telah diambil oleh Malaysia dalam pelbagai isu antarabangsa menunjukkan bahawa negara ini mempunyai keupayaan untuk mengenangkan isu-isu berkepentingan bersama kepada kuasa-kuasa besar dunia.

Sekian, terima kasih.